

# Lima asas pusat perdagangan pesawat

LANGKAWI, Ahad — Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1991 (Lima) akan dijadikan asas bagi mewujudkan pusat perniagaan pesawat udara dan laut antarabangsa di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, Lima akan diadakan dua tahun sekali jika pameran pertama lima hari mulai 11 November ini mencapai kejayaan.

"Kita bercadang menjadikan Lima institusi atau pertumbuhan perniagaan pesawat udara dan bot antarabangsa,"

katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan pameran itu di sini, hari ini.

Menurutnya, Langkawi boleh dijadikan pusat perdagangan pesawat udara ringan, jet eksekutif, pesawat pengangkutan ringan serta bot peranginan, berikutan kemajuan pesatnya di wilayah sini.

"Pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin meningkat menyebabkan banyak syarikat gergasi muncul, sekaligus memerlukan pesawat ringan dan persendirian untuk berurusan.

"Sehubungan itu, permintaan terhadap pesawat seumpama ini turut meningkat dan

boleh membantu Langkawi menjadi pusat perdagangan pesawat udara," katanya.

Mengenai pusat perdagangan bot, Perdana Menteri berkata, kemewahan ekonomi sekarang membolehkan rakyat rantau ini memiliki bot bagi tujuan rekreasi.

Datuk Seri Dr Mahathir yang berpuas hati dengan persiapan pameran itu dan yakin ia mencapai kejayaan cemerlang, berkata bot peranginan boleh mendapat sambutan kerana Malaysia tidak mengenakan cukai ke atasnya.

Mengenai kemudahan penginapan, Perdana Menteri

berkata, bilangannya mencukupi bagi menampung keperluan peserta dan pengunjung Lima. De Lima Beach Resort di Kuala Muda berjaya disiapkan dalam masa 53 hari walaupun kontraktornya, Woodhouse Sdn Bhd berjanji menyiapkannya dalam tempoh dua bulan.

Perdana Menteri berharap penduduk Langkawi merebut peluang sempena pameran itu dengan menjalankan perniagaan barangan dan buah-buahan, manakala pengusaha chalet dan hotel tidak mengenakan bayaran tinggi.